



24 September 2012
24 September 2012
P.U. (A) 312

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN (PEMBUATAN DAN PENJUALAN MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN) 2012

FEED (MANUFACTURE AND SALE OF FEED OR FEED ADDITIVE) REGULATIONS 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN (PEMBUATAN DAN PENJUALAN
MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 53(2)(g) Akta Makanan Haiwan 2009 [*Akta 698*], Menteri, setelah berunding dengan Lembaga, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Pembuatan dan Penjualan Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan) 2012**.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, “orang berdaftar” ertinya mana-mana orang yang berdaftar di bawah Peraturan-Peraturan ini.

Permohonan untuk pendaftaran

3. (1) Tiada seorang pun boleh membuat atau menjual makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan kecuali telah berdaftar dengan Lembaga.

(2) Suatu permohonan bagi pendaftaran pembuat atau penjual makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan hendaklah dibuat kepada Lembaga dalam Borang 1 atau Borang 2, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Suatu permohonan yang berasingan hendaklah dibuat bagi setiap premis tanpa mengira sama ada premis tersebut mempunyai hubungan secara pentadbiran atau pengurusan dengan premis yang lain, kecuali diarahkan sebaliknya oleh Lembaga.

(4) Jika Lembaga meluluskan permohonan untuk pendaftaran di bawah subperaturan (2), fi yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah kena dibayar.

Butir lanjut, dsb.

4. (1) Pada bila-bila masa selepas menerima permohonan yang dibuat di bawah peraturan 3, Lembaga boleh, jika Lembaga menghendaki butir-butir lanjut, maklumat atau dokumen lain bagi membolehkan Lembaga mempertimbangkan permohonan secara adil, menghendaki pemohon untuk—

(a) membekalkan butir-butir, maklumat atau dokumen tersebut; atau

(b) mematuhi apa-apa kehendak lain yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Lembaga boleh enggan merekodkan, meneruskan dengan atau mendengar permohonan itu dan boleh menghendaki permohonan itu dipinda sewajarnya atau dilengkapkan dan dikemukakan semula atau suatu permohonan baru dikemukakan jika—

(a) borang permohonan tidak dilengkapi dengan sepatutnya oleh sebab apa-apa peninggalan atau salah perihalan;

(b) borang permohonan mengandungi apa-apa kesilapan atau pengubahan; atau

(c) permohonan tersebut tidak mematuhi mana-mana kehendak yang ditentukan oleh Lembaga.

(3) Jika mana-mana maklumat atau dokumen yang dikehendaki di bawah subperaturan (1) tidak dibekalkan oleh pemohon dalam masa yang dinyatakan, permohonan itu hendaklah disifatkan sebagai ditarik balik tanpa prasangka untuk permohonan baru dibuat oleh pemohon.

Pemeriksaan tapak

5. Pada bila-bila masa selepas menerima permohonan yang dibuat di bawah peraturan 3, seseorang pegawai diberi kuasa boleh menjalankan pemeriksaan tapak di mana-mana premis yang dinyatakan dalam permohonan tersebut.

Pengeluaran sijil pendaftaran

6. (1) Lembaga boleh, setelah mempertimbangkan sesuatu permohonan di bawah subperaturan 3(2) dan setelah berpuas hati bahawa pemohon telah mematuhi semua kehendak di bawah Peraturan-Peraturan ini, mengeluarkan sijil pendaftaran bagi pembuat atau penjual makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(2) Lembaga boleh mengenakan apa-apa syarat bagi pengeluaran sijil di bawah peraturan ini dan boleh, dari semasa ke semasa, mengubah, menambah, membatalkan atau meminda syarat yang dikenakan terhadap orang berdaftar.

(3) Sijil pendaftaran adalah sah selama tempoh tidak melebihi satu tahun dari tarikh pengeluarannya.

Pembaharuan pendaftaran

7. (1) Orang berdaftar boleh membaharui pendaftarannya sebagai pembuat atau penjual makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan melalui permohonan yang dibuat kepada Lembaga dalam Borang 3 dan Borang 4, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat dalam tempoh tiga bulan sebelum tarikh habis tempoh pendaftaran.

(3) Jika Lembaga meluluskan permohonan untuk membaharui pendaftaran di bawah subperaturan (1), fi yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah kena dibayar.

(4) Mana-mana pembaharuan lewat adalah tertakluk kepada fi yang ditetapkan.

(5) Lembaga boleh, semasa meluluskan pembaharuan pendaftaran, mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

Pembatalan pendaftaran

8. (1) Lembaga boleh membatalkan pendaftaran di bawah mana-mana hal keadaan yang berikut:

- (a) orang berdaftar telah gagal mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;
- (b) orang berdaftar telah gagal mematuhi mana-mana terma atau syarat pendaftaran;
- (c) orang berdaftar telah mendapatkan sijil pendaftaran secara fraud atau secara salah nyataan; atau
- (d) telah berlaku apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh orang berdaftar atau telah wujud suatu perubahan dalam hal keadaan sehingga menyebabkan orang berdaftar itu tidak lagi berhak untuk didaftarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Sebelum Lembaga membuat keputusan di bawah subperaturan (1), Lembaga hendaklah memberi orang berdaftar itu—

- (a) suatu notis bertulis mengenai niat untuk membatalkan pendaftaran itu; dan

(b) suatu peluang untuk membuat representasi bertulis dalam suatu tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu yang hendaklah tidak kurang daripada empat belas hari dari tarikh notis itu.

(3) Lembaga hendaklah, selepas mempertimbangkan representasi bertulis yang dibuat oleh orang berdaftar di bawah subperaturan (2), jika ada, memutuskan sama ada untuk membatalkan pendaftaran itu.

(4) Lembaga hendaklah memberi orang berdaftar suatu notis bertulis mengenai keputusannya di bawah subperaturan (3) seberapa segera yang dapat dilaksanakan.

(5) Jika suatu pendaftaran dibatalkan, pendaftaran itu adalah tidak sah dari tarikh pembatalan.

(6) Mana-mana orang yang terkilan dengan pembatalan mana-mana pendaftaran boleh merayu secara bertulis kepada Menteri dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh notis pembatalan diserahkan kepada orang tersebut.

(7) Keputusan Menteri dalam rayuan di bawah subperaturan (6) adalah muktamad.

Penyerahan sijil pendaftaran

9. Apabila suatu pendaftaran dibatalkan di bawah peraturan 8, orang berdaftar hendaklah serah semula kepada Lembaga sijil pendaftarannya.

Salinan pendua sijil pendaftaran

10. (1) Orang berdaftar boleh memohon kepada Lembaga bagi salinan pendua sijil pendaftaran bagi sijil yang telah hilang, dimusnahkan atau telah menjadi cacat.

(2) Suatu permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat dalam Borang 5.

(3) Lembaga boleh menghendaki pemohon untuk mengemukakan butir-butir lanjut, maklumat atau dokumen lain yang difikirkannya patut untuk tujuan permohonan itu.

(4) Lembaga boleh mengeluarkan suatu salinan pendua bagi sijil pendaftaran dalam bentuk yang sama seperti yang asal tetapi dengan perkataan “SALINAN PENDUA” ditandai pada sijil itu.

(5) Sijil yang dikeluarkan di bawah subperaturan (4) hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti sijil yang asal.

(6) Jika Lembaga meluluskan permohonan bagi salinan pendua sijil pendaftaran di bawah subperaturan (2), fi yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah kena dibayar.

Perubahan maklumat

11. (1) Orang berdaftar hendaklah memaklumkan dan memohon kepada Lembaga secara bertulis mengenai apa-apa perubahan maklumat dalam sijil pendaftaran, selain perubahan alamat, dalam tempoh empat belas hari dari perubahan maklumat tersebut.

(2) Apa-apa permohonan perubahan yang dibuat di bawah subperaturan (1) hendaklah tertakluk pada pembayaran fi yang ditetapkan.

(3) Dalam keadaan perubahan alamat, orang berdaftar hendaklah membuat permohonan baru bagi pendaftaran dan peruntukan peraturan 3 adalah terpakai.

Salinan diakui sah sijil pendaftaran

12. (1) Orang berdaftar boleh memohon kepada Lembaga secara bertulis bagi mendapatkan suatu salinan diakui sah sijil pendaftaran.

(2) Jika Lembaga meluluskan permohonan bagi mendapatkan salinan diakui sah sijil pendaftaran di bawah subperaturan (1), fi yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah kena dibayar.

Pengemukakan laporan tahunan

13. Tiap-tiap orang berdaftar hendaklah mengemukakan kepada Lembaga laporan tahunan pembuatan atau laporan tahunan penjualan, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang diakui sah yang berkenaan dengan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan yang dibuat atau dijual olehnya.

Penalti

14. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini melakukan kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Fi

15. (1) Apa-apa fi yang perlu dibayar di bawah Peraturan-Peraturan ini adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

(2) Fi hendaklah dibayar kepada Lembaga dalam bentuk dan mengikut cara yang diarahkan oleh Lembaga.

(3) Fi yang telah dibayar tidak boleh dibayar balik.

Borang

16. Borang yang disebut dalam Peraturan-Peraturan ini adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Peruntukan peralihan

17. (1) Mana-mana orang yang, pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, sedang membuat atau menjual makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan dan berhasrat untuk terus membuat atau menjual makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan hendaklah, dalam tempoh enam bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, memohon untuk berdaftar di bawah peraturan 3.

(2) Apabila menerima suatu permohonan di bawah subperaturan (1) Lembaga hendaklah mengeluarkan pengakuteraan kepada orang itu.

(3) Apabila sesuatu permohonan bagi pendaftaran ditolak, Lembaga hendaklah menghantar suatu notis kepada pemohon memberitahu pemohon mengenai penolakan itu dan notis itu hendaklah juga mengarahkan pemohon untuk memberhentikan pembuatan atau penjualan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu.

(4) Mana-mana orang yang disebut dalam subperaturan (1) yang terkilang dengan keputusan Lembaga untuk enggan meluluskan suatu pendaftaran bagi membuat atau menjual makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan boleh merayu kepada Menteri dengan cara yang ditetapkan dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh keengganan tersebut.

(5) Mana-mana orang yang disebut dalam subperaturan (1) boleh terus mengusahakan aktiviti itu sementara menunggu penentuan permohonannya untuk mendaftar atau rayuannya kepada Menteri.

JADUAL PERTAMA

BORANG 1 [subperaturan 3(2)] AKTA MAKANAN HAIWAN 2009 PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN (PEMBUATAN DAN PENJUALAN MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN) 2012 PERMOHONAN PENDAFTARAN PEMBUAT MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN		BAMH 53(2)(g)01
1. Nama pemohon: <i>(sila nyatakan nama penuh dengan huruf besar)</i>		2. No. KP: <i>(sila lampirkan salinan)</i>
3. Alamat surat-menyurat:		6. No. telefon: 7. No. faks: 8. Alamat e-mel:
4. Nama syarikat: <i>(sila nyatakan nama penuh dengan huruf besar)</i>		9. No. pendaftaran: <i>(sila lampirkan salinan M&A)</i>
5. Alamat perniagaan/kilang: <i>(sila letak nama penuh dengan huruf besar)</i>		10. No. telefon: 11. No. faks: 12. Alamat e-mel: 13. Bacaan GPS:
14. Jenis perniagaan: <i>(sila tanda yang berkenaan)</i>	☐ Kilang makanan haiwan	☐ Homemixer
Maklumat Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan		
15. Jenis produk:		
16. Pembekal: <i>(sila senaraikan semua pembekal dan no. pendaftaran syarikat)</i>		
17. Bahan mentah yang digunakan: <i>(sila senaraikan semua bahan yang digunakan dan negara asal)</i>		
18. Jenis makanan haiwan: <i>(sila lampirkan sesalinan dokumen berkenaan)</i>		
19. Jenis bahan tambahan makanan haiwan: <i>(sila lampirkan dokumen berkenaan)</i>		
20. Kegunaan (tempatan/eksport): <i>(sila nyatakan nama negara)</i>		
21. Perakuan pemohon: Bersama-sama ini dilampirkan dan merupakan sebahagian daripada permohonan ini adalah pernyataan yang berikut: i. pernyataan negara asal (bahan mentah); ii. pernyataan komposisi* (bahan mentah); iii. pernyataan pembuatan, pembungkusan dan pelabelan di mana yang berkenaan; and iv. pernyataan pendaftaran bagi perkara yang disebut sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta lain yang berkaitan. Saya dengan ini memperakui bahawa butir-butir dalam permohonan ini serta dokumen yang dilampirkan adalah benar setakat yang diketahui oleh saya.		22. Fi:
Tandatangan: Nama pemohon: Tarikh: Jawatan:		
23. UNTUK KEGUNAAN NEGERI/IBU PEJABAT: Disahkan oleh : Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :		24. UNTUK KEGUNAAN LEMBAGA MAKANAN HAIWAN: Diluluskan oleh : Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :
* 1. Bijian/hasil sampingan pertanian/foraj: kelembapan, protein kasar, bahan kering, serat kasar, abu; 2. Bahan tambahan makanan haiwan/antibiotik/bahan kimia/hormon: bahan aktif dan apa-apa bahan lain yang lebih daripada 5%; dan 3. Hasil sampingan haiwan: kelembapan, protein kasar, lemak kasar, abu kasar.		

BORANG 2
[subperaturan 3(2)]

BAMH 53(2)(g)02

AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN (PEMBUATAN DAN PENJUALAN MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN) 2012

PERMOHONAN UNTUK PENDAFTARAN PENJUAL MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN

UNTUK KEGUNAAN RASMI

Tarikh dan masa terima:

No. Pendaftaran:

Maklumat Pemohon	
1. Nama pemohon: <i>(sila nyatakan nama penuh dengan huruf besar)</i>	2. No. KP: <i>(sila lampirkan salinan)</i>
3. Alamat surat-menyurat:	6. No. telefon:
	7. No. faks:
	8. Alamat e-mel:
4. Nama syarikat: <i>(sila nyatakan nama penuh dengan huruf besar)</i>	9. No. pendaftaran: <i>(sila lampirkan salinan M&A)</i>
5. Alamat perniagaan/kilang: <i>(sila letak nama penuh dengan huruf besar)</i>	10. No. telefon:
	11. No. faks:
	12. Alamat e-mel:
	13. Bacaan GPS:
14. Jenis perniagaan: ☐ Pengedar ☐ Penjual <i>(sila tanda yang berkenaan)</i>	
Maklumat Penjualan	
15. Pembekal: <i>(sila senaraikan semua pembekal dan no. pendaftaran syarikat)</i>	
16. Jenis makanan haiwan: <i>(sila lampirkan sesalinan dokumen berkenaan)</i>	
17. Jenis bahan tambahan makanan haiwan: <i>(sila lampirkan sesalinan dokumen berkenaan)</i>	
18. Kegunaan (tempatan/eksport): <i>(sila nyatakan nama negara)</i>	
19. Perakuan pemohon: Saya dengan ini memperakui bahawa butir-butir dalam permohonan ini serta dokumen yang dilampirkan adalah benar setakat yang diketahui oleh saya. Tandatangan: Nama pemohon: Tarikh: Jawatan:	20. Fi:
21. UNTUK KEGUNAAN NEGERI/IBU PEJABAT:	22. UNTUK KEGUNAAN LEMBAGA MAKANAN HAIWAN:
Disahkan oleh : Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :	Diluluskan oleh : Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :

BORANG 3
[subperaturan 7(1)]

BAMH 53(2)(g)03

AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN (PEMBUATAN DAN PENJUALAN MAKANAN HAIWAN
ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN) 2012

**PERMOHONAN MEMBAHARUI PENDAFTARAN SEBAGAI PEMBUAT MAKANAN HAIWAN
ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN**

Kepada:
Pengerusi Lembaga:

Mengikut subperaturan 7(1) Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Pembuatan dan Penjualan Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan) 2012, saya ingin membuat permohonan untuk membaharui pendaftaran sebagai pembuat makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan (rujuk no. sijil pendaftaran:).

Bersama-sama ini dikemukakan salinan yang diakui sah sijil pendaftaran sedia ada.

Tandatangan Pemohon

Nama :
No. KP :
Alamat :
.....
.....
Tarikh :

BORANG 4
[subperaturan 7(1)]

BAMH 53(2)(g)04

AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN (PEMBUATAN DAN PENJUALAN MAKANAN HAIWAN
ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN) 2012

**PERMOHONAN MEMBAHARUI PENDAFTARAN SEBAGAI PENJUAL MAKANAN HAIWAN
ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN**

Kepada:
Pengerusi Lembaga:

Mengikut subperaturan 7(1) Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Pembuatan dan Penjualan Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan) 2012, saya ingin membuat permohonan untuk membaharui pendaftaran sebagai penjual makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan (rujuk no. sijil pendaftaran:).

Bersama-sama ini dikemukakan salinan yang diakui sah sijil pendaftaran sedia ada.

Tandatangan Pemohon

Nama :
No. KP :
Alamat :
.....
.....
Tarikh :

BORANG 5
[subperaturan 10(2)]

BAMH 53(2)(g)05

AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN (PEMBUATAN DAN PENJUALAN MAKANAN HAIWAN
ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN) 2012

PERMOHONAN SALINAN PENDUA SIJIL PENDAFTARAN

Kepada:
Pengerusi Lembaga:

Saya dengan ini memohon untuk salinan pendua sijil pendaftaran sebagai *pembuat/penjual makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan kerana sijil yang asal telah:



hilang



dimusnahkan



menjadi cacat

MAKLUMAT PEMOHON

Nama *(Sila nyatakan nama penuh dengan huruf besar)* :

No. KP *(Sila lampirkan sesalinan)* :

Syarikat & Jawatan :

Alamat surat-menyurat :

Nombor telefon : (Pejabat) (Telefon bimbit)

Alamat e-mel :

MAKLUMAT PENDAFTARAN

No. pendaftaran sijil :

Tarikh habis tempoh :

Nama syarikat & No. pendaftaran *(M&A)* :

Alamat perniagaan/kilang :

No. telefon :

No. faks :

Alamat e-mel :

Tandatangan pemohon

Tarikh: _____

Cop syarikat

**Potong mana yang tidak berkenaan*

JADUAL KEDUA

SAMH 53(2)(g)01

SIJIL 1 [subperaturan 6(1)]

AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN (PEMBUATAN DAN PENJUALAN MAKANAN HAIWAN
ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN) 2012

SIJIL PENDAFTARAN PEMBUAT MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN

NO. PENDAFTARAN SIJIL:

TEMPOH SAH: HINGGA

BUTIR-BUTIR PEMBUAT BERDAFTAR

Nama :

Alamat perniagaan/kilang :

(Maklumat makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan adalah seperti yang dinyatakan di bahagian belakang Sijil)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subperaturan 6(1) Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Pembuatan dan Penjualan Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan) 2012, Lembaga mengeluarkan sijil pendaftaran ini kepada pembuat makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan yang dinamakan di atas.

Sijil pendaftaran ini dikeluarkan tertakluk pada syarat-syarat yang berikut:

- (i) sijil pendaftaran adalah sah selama tempoh SATU (1) tahun bermula dari tarikh sijil;
- (ii) sijil pendaftaran tidak boleh dipindah milik;
- (iii) pemohon telah memenuhi kehendak di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang lain yang berkaitan; dan
- (iv) pemohon telah membuat bayaran fi yang ditetapkan.

Bertarikh hari bulan 20....

Pengerusi Lembaga Makanan Haiwan

Bil.	Jenis Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan	Kegunaan (tempatan/eksport)	Pembekal

SAMH 53(2)(g)02

SIJIL 2
[subperaturan 6(1)]

AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

**PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN (PEMBUATAN DAN PENJUALAN MAKANAN HAIWAN
ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN) 2012**

SIJIL PENDAFTARAN PENJUAL MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN

NO. PENDAFTARAN SIJIL:

TEMPOH SAH: HINGGA

BUTIR-BUTIR PENJUAL BERDAFTAR

Nama :

.....

.....

Alamat perniagaan/kilang :

.....

.....

(Maklumat makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan adalah seperti yang dilampirkan di belakang Sijil)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subperaturan 6(1) Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Pembuatan dan Penjualan Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan) 2012, Lembaga mengeluarkan sijil pendaftaran ini kepada penjual makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan yang dinamakan di atas.

Sijil pendaftaran ini dikeluarkan tertakluk pada syarat-syarat yang berikut:

- (i) sijil pendaftaran adalah sah selama tempoh SATU (1) tahun bermula dari tarikh sijil;
- (ii) sijil pendaftaran tidak boleh dipindah milik;
- (iii) pemohon telah memenuhi kehendak di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang lain yang berkaitan; dan
- (iv) pemohon telah membuat bayaran fi yang ditetapkan.

Bertarikh hari bulan 20....

Pengerusi Lembaga Makanan Haiwan

Bil.	Jenis Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan	Kegunaan (tempatan/eksport)	Pembekal

JADUAL KETIGA
[subperaturan 15(1)]

AKTA MAKANAN HAIWAN 2009				
PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN (PEMBUATAN DAN PENJUALAN MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN) 2012				
FI				
<i>No.</i>	<i>Perkara</i>	<i>Peruntukan</i>	<i>Fi (RM)</i>	
			<i>Pembuat</i>	<i>Penjual</i>
1.	Permohonan sijil pendaftaran	Subperaturan 3(2)	600	300
2.	Pembaharuan sijil pendaftaran	Subperaturan 7(1)	600	300
3.	Pembaharuan lewat pendaftaran	Subperaturan 7(3)	1000	500
4.	Salinan pendua sijil pendaftaran	Subperaturan 10(2)	100	50
5.	Perubahan maklumat	Subperaturan 11(2)	50	25
6.	Salinan diakui sah sijil pendaftaran	Peraturan 12	15	15

Dibuat 3 Ogos 2012
[KP/LA/483/20; PN(PU2)702/III]

DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

FEED ACT 2009

FEED (MANUFACTURE AND SALE OF FEED OR FEED ADDITIVE) REGULATIONS 2012

IN exercise of the powers conferred by paragraph 53(2)(g) of the Feed Act 2009 [Act 698], the Minister, after consultation with the Board, makes the following regulations:

Citation

1. These regulations may be cited as the **Feed (Manufacture and Sale of Feed or Feed Additive) Regulations 2012**.

Interpretation

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires, “registered person” means any person registered under these Regulations.

Application for registration

3. (1) No person shall manufacture or sell feed or feed additive unless registered with the Board.

(2) An application for registration of manufacturer or seller of feed or feed additive shall be made to the Board in Form 1 or Form 2, as the case may be.

(3) A separate application shall be made for each premises irrespective of whether the premises is administratively or organizationally linked with another premises, unless otherwise directed by the Board.

(4) Where the Board has approved an application for registration under subregulation (2), the fee prescribed under these Regulations shall be payable.

Further particulars, etc.

4. (1) At any time after receiving an application made under regulation 3, the Board may, if the Board requires further particulars, other information or documents to enable the Board to fairly consider the application, require the applicant—

- (a) to supply the particulars, information or documents; or
- (b) to comply with such other requirement as may be determined by the Board.

(2) The Board may refuse to record, proceed with or hear the application and may require that the application be appropriately amended or completed and resubmitted or that a fresh application be submitted if—

- (a) the application form is not duly completed by reason of any omission or misdescription;
- (b) the application form contains any error or alteration; or
- (c) the application does not comply with any requirement as may be determined by the Board.

(3) If any information or document required under subregulation (1) is not provided by the applicant within the time specified, the application shall be deemed to be withdrawn without prejudice to a fresh application being made by the applicant.

Site inspection

5. At any time after receiving an application made under regulation 3, an authorized officer may conduct site inspection at any premises specified in that application.

Issuance of certificate of registration

6. (1) The Board may, after considering an application under subregulation 3(2) and on being satisfied that the applicant has fulfilled all the requirements under these Regulations, issue a certificate of registration of manufacturer or seller of feed or feed additive, as the case may be, as prescribed in the Second Schedule.

(2) The Board may impose any condition upon issuance of a certificate under this regulation and may, from time to time, alter, add, cancel or amend the conditions imposed on the registered person.

(3) The certificate of registration shall be valid for a period not exceeding one year from the date of its issuance.

Renewal of registration

7. (1) A registered person may renew his registration as a manufacturer or seller of feed or feed additive upon application being made to the Board in Form 3 and Form 4, as the case may be.

(2) An application made under subregulation (1) shall be made within three months before the expiration of the registration.

(3) Where the Board has approved an application for renewal of registration under subregulation (1), the fee prescribed under these Regulations shall be payable.

(4) Any late renewal shall be subject to the prescribed fee.

(5) The Board may, when approving the renewal of registration, impose any conditions as it thinks fit.

Cancellation of registration

8. (1) The Board may cancel a registration under any of the following circumstances:

- (a) the registered person has failed to comply with any of the provisions of this Act or any regulations made under this Act;
- (b) the registered person has failed to comply with any term or condition of the registration;
- (c) the registered person has obtained the certificate of registration by fraud or misrepresentation; or
- (d) there has been any act or omission by the registered person or there has been change of circumstances such that the registered person would no longer be entitled to be registered under these Regulations.

(2) Before the Board makes a decision under subregulation (1), the Board shall give the registered person—

- (a) a written notice of the intention to cancel the registration; and
- (b) an opportunity to make written representation within a period specified in the written notice which shall not be less than fourteen days from the date of the notice.

(3) The Board shall, after considering the representation made by the registered person under subregulation (2), if any, decide whether to cancel the registration.

(4) The Board shall give the registered person a written notice of its decision under subregulation (3) as soon as practicable.

(5) If a registration has been cancelled, it shall not be valid from the date of cancellation.

(6) Any person who is aggrieved by the cancellation of any registration may appeal in writing to the Minister within thirty days from the date on which the notice of cancellation is served on that person.

(7) The decision of the Minister on an appeal under subregulation (6) shall be final.

Surrender of certificate of registration

9. Upon the cancellation of a registration under regulation 8, a registered person shall surrender to the Board the certificate of registration.

Duplicate certificate of registration

10. (1) A registered person may apply to the Board for duplicate certificate of registration that has been lost, destroyed or defaced.

(2) An application under subregulation (1) shall be made in Form 5.

(3) The Board may require the applicant to submit further particulars, other information or documents as it considers necessary for the purpose of the application.

(4) The Board may issue a duplicate certificate of registration in the same form as the original but with the word "DUPLICATE" endorsed on the certificate.

(5) The certificate issued under subregulation (4) shall have the same effect as the original certificate.

(6) Where the Board has approved an application for duplicate certificate of registration under subregulation (2), the fee prescribed under these Regulations shall be payable.

Change of information

11. (1) A registered person shall inform and apply to the Board in writing of any change in any information in the registration certificate, other than a change of address, within fourteen days of such change.

(2) Any application for the change made under subregulation (1) shall be subject to payment of the prescribed fee.

(3) In the case of a change of address, the registered person shall make a new application for registration and the provisions of regulation 3 shall apply.

Certified true copy of certificate of registration

12. (1) A registered person may apply to the Board in writing for a certified true copy of the certificate of registration.

(2) Where the Board has approved an application for a certified true copy of the certificate of registration under subregulation (1), the fee payable under these Regulations shall be payable.

Submission of annual report

13. Every registered person shall submit to the Board a certified copy of the annual production or sales report, as the case may be, in respect of the feed or feed additive manufactured or sold by him.

Penalty

14. Any person who contravenes any of the provisions of these Regulations commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or imprisonment for a term not exceeding two years or both.

Fees

15. (1) Any fees payable under these Regulations shall be as specified in the Third Schedule.

(2) The fees shall be paid to the Board by such means and in such manner as the Board may direct.

(3) The fees paid shall not be refundable.

Forms

16. The forms referred to in these Regulations are as prescribed in the First Schedule.

Transitional provisions

17. (1) Any person who, on the date of coming into operation of these Regulations, has been manufacturing or selling feed or feed additive and intends to continue manufacturing or selling feed or feed additive shall, within six months from the date of the coming into operation of these Regulations, apply for a registration under regulation 3.

(2) Upon receipt of an application under subregulation (1) the Board shall issue an acknowledgment of receipt to such person.

(3) Where an application for a registration is refused, the Board shall send a notice to the applicant notifying the applicant of the refusal and the notice shall also direct the applicant to cease to carry out the manufacturing or selling of feed or feed additive within the period specified in the notice.

(4) Any person referred to in subregulation (1) who is aggrieved by the decision of the Board in refusing to approve a registration to manufacture or sell feed or feed additive may appeal to the Minister in the prescribed manner within thirty days from the date of such refusal.

(5) Any person referred to in subregulation (1) may continue to undertake such activity pending determination of his application for a registration or of his appeal to the Minister.

FIRST SCHEDULE

FORM 1 [subregulation 3(2)] FEED ACT 2009 FEED (MANUFACTURE AND SALE OF FEED OR FEED ADDITIVE) REGULATIONS 2012 APPLICATION FOR REGISTRATION OF MANUFACTURER OF FEED OR FEED ADDITIVE		BAMH 53(2)(g)01
		FOR OFFICIAL USE Date and time of receipt: Registration No.:
Applicant Information		
1. Name of applicant: <i>(please insert full name in capital letters)</i>	2. NRIC no.: <i>(please attach copy)</i>	
3. Correspondence address:	6. Telephone no.: 7. Fax no.: 8. E-mail address:	
4. Company name: <i>(please insert full name in capital letters)</i>	9. Registration no.: <i>(please attach copy of M&A)</i>	
5. Business/Factory address: <i>(please insert full name in capital letters)</i>	10. Telephone no.: 11. Fax no.: 12. E-mail address: 13. GPS reading:	
14. Type of establishment: ☐ Feedmiller ☐ Homemixer <i>(please tick where applicable)</i>		
Information of Feed or Feed Additive		
15. Types of product:		
16. Supplier: <i>(please list all suppliers and company registration no.)</i>		
17. Raw materials used: <i>(please list all ingredients used and country of origin)</i>		
18. Type of feed: <i>(please attach copy of relevant documents)</i>		
19. Type of feed additive: <i>(please attach copy of relevant documents)</i>		
20. Use (domestic/export): <i>(please state country name)</i>		
21. Declaration of applicant: Attached hereto and constituting a part of this application are the following statements: i. statement of country of origin (raw material); ii. statement of composition* (raw material); iii. statement of manufacturing, packaging and labeling where applicable; and iv. statement of registration of the mentioned items as required by the other related Acts. I hereby declare that the particulars in this application form and the documents attached are true to the best of my knowledge. Signature: Name of applicant: Date: Position:		22. Fee:
23. FOR USE OF STATE/HEADQUARTERS:		24. FOR USE OF FEED BOARD:
Certified by : Signature : Name : Position : Date :		Approved by : Signature : Name : Position : Date :
* 1. Grain/agriculture by-product/forage: moisture, crude protein, dry matter, crude fiber, ash; 2. Feed additive/antibiotic/chemical/hormone: active ingredient and any other ingredient of more than 5%; and 3. Animal by-product: moisture, crude protein, crude fat, crude ash.		

FORM 2
[subregulation 3(2)]

BAMH 53(2)(g)02

FEED ACT 2009

FEED (MANUFACTURE AND SALE OF FEED OR FEED ADDITIVE) REGULATIONS 2012

APPLICATION FOR REGISTRATION OF SELLER OF FEED OR FEED ADDITIVE

FOR OFFICIAL USE
Date and time of receipt:
Registration No.:

Applicant Information	
1. Name of applicant: <i>(please insert full name in capital letters)</i>	2. NRIC number: <i>(please attach copy)</i>
3. Correspondence address:	6. Telephone no.:
	7. Fax no.:
	8. E-mail address:
4. Company name: <i>(please insert full name in capital letters)</i>	9. Registration no.: <i>(please attach copy of M&A)</i>
5. Business/Factory address: <i>(please insert full name in capital letters)</i>	10. Telephone no.:
	11. Fax no.:
	12. E-mail address:
	13. GPS reading:
14. Type of establishment: <i>(please tick where applicable)</i>	☐ Distributer ☐ Seller
Sales Information	
15. Supplier: <i>(please list all suppliers and company registration no.)</i>	
16. Type of feed: <i>(please attach copy of relevant documents)</i>	
17. Type of feed additive: <i>(please attach copy of relevant documents)</i>	
18. Use (domestic/export): <i>(please state country name)</i>	
19. Declaration of applicant: I hereby declare that the particulars in this application form and the documents attached are true to the best of my knowledge. Signature: Name of applicant: Date: Position:	20. Fee:
21. FOR USE OF STATE/HEADQUARTERS:	22. FOR USE OF FEED BOARD:
Certified by :	Approved by :
Signature :	Signature :
Name :	Name :
Position :	Position :
Date :	Date :

BAMH 53(2)(g)03

FORM 3
[subregulation 7(1)]

FEED ACT 2009

FEED (MANUFACTURE AND SALE OF FEED OR FEED ADDITIVE) REGULATIONS 2012

**APPLICATION FOR RENEWAL OF REGISTRATION AS MANUFACTURER
OF FEED OR FEED ADDITIVE**

To:
The Chairman of the Board:

In accordance with subregulation 7(1) of the Feed (Manufacture and Sale of Feed or Feed Additive) Regulations 2012, I would like to make an application for renewal of registration as manufacturer of feed or feed additive (vide certificate of registration no.:).

I hereby submit a certified copy of the current certificate of registration.

Signature of Applicant

Name :
NRIC No. :
Address :
Date :

FORM 4
[subregulation 7(1)]

BAMH 53(2)(g)04

FEED ACT 2009

FEED (MANUFACTURE AND SALE OF FEED OR FEED ADDITIVE) REGULATIONS 2012

**APPLICATION FOR RENEWAL OF REGISTRATION AS SELLER
OF FEED OR FEED ADDITIVE**

To:
The Chairman of the Board:

In accordance with subregulation 7(1) of the Feed (Manufacture and Sale of Feed or Feed Additive) Regulations 2012, I would like to make an application for renewal of registration as seller of feed or feed additive (vide certificate of registration no.:).

I hereby submit a certified copy of the current certificate of registration.

Signature of Applicant

Name :
NRIC No. :
Address :
Date :

FORM 5
[subregulation 10(2)]

BAMH 53(2)(g)05

FEED ACT 2009

FEED (MANUFACTURE AND SALE OF FEED OR FEED ADDITIVE) REGULATIONS 2012

APPLICATION FOR DUPLICATE CERTIFICATE OF REGISTRATION

To:
The Chairman of the Board:

I hereby apply for a duplicate certificate of registration of *manufacturer/seller of feed or feed additives due to original certificate that is:

☐ lost

☐ destroyed

☐ defaced

APPLICANT INFORMATION

Name *(Please insert full name in capital letters)* :

NRIC no. *(Please attach copy)* :

Company & Designation :

Correspondence address :

Telephone number : (Office) (Handphone)

E-mail address :

REGISTRATION INFORMATION

Certificate registration no. :

Expiry date :

Company name & registration no. *(M&A)* :

Business/Factory Address :

Telephone number :

Fax no. :

E-mail address :

Signature of Applicant

Date: _____

Company stamp

**Delete whichever inapplicable*

SECOND SCHEDULE

CERTIFICATE 1
[subregulation 6(1)]

SAMH 53(2)(g)01

FEED ACT 2009

FEED (MANUFACTURE AND SALE OF FEED OR FEED ADDITIVE) REGULATIONS 2012

CERTIFICATE OF REGISTRATION OF MANUFACTURER OF FEED OR FEED ADDITIVE

CERTIFICATE REGISTRATION NO.:

VALIDITY PERIOD: TO

DETAILS OF REGISTERED MANUFACTURER

Name :

.....

.....

Business/Factory Address :

.....

.....

(Information of feed or feed additive is as stated on the reverse side of the Certificate)

In exercise of the powers conferred by subregulation 6(1) of the Feed (Manufacture and Sale of Feed or Feed Additive) Regulations 2012, the Board hereby issues this certificate of registration to the manufacturer of feed or feed additive named hereinabove.

This certificate of registration is issued subject to the following conditions:

- (i) the certificate of registration shall be valid for the period of ONE (1) year commencing from the date of the certificate;
- (ii) the certificate of registration shall not be transferable;
- (iii) the applicant has fulfilled the requirements under this Act or any other relevant laws; and
- (iv) the applicant has made payment of the prescribed fee.

Dated this day of 20....

Chairman of the Feed Board

No.	Type of Feed or Feed Additive	Usage (domestic/export)	Supplier

CERTIFICATE 2

SAMH 53(2)(g)02

[subregulation6(1)]

FEED ACT 2009

FEED (MANUFACTURE AND SALE OF FEED OR FEED ADDITIVE) REGULATIONS 2012

CERTIFICATE OF REGISTRATION OF SELLER OF FEED OR FEED ADDITIVE

CERTIFICATE REGISTRATION NO.:

VALIDITY PERIOD: TO

DETAILS OF REGISTERED SELLER

Name :

.....
.....

Business/Factory Address :

.....
.....

(Information of feed or feed additive is as stated on the reverse side of the Certificate)

In exercise of the powers conferred by subregulation 6(1) of the Feed (Manufacture and Sale of Feed or Feed Additive) Regulations 2012, the Board hereby issues this certificate of registration to the seller of feed or feed additive named hereinabove.

This certificate of registration is issued subject to the following conditions:

- (i) the certificate of registration shall be valid for the period of ONE (1) year commencing from the date of the certificate;
- (ii) the certificate of registration shall not be transferable;
- (iii) the applicant has fulfilled the requirements under this Act or any other relevant laws; and
- (iv) the applicant has made payment of the prescribed fee.

Dated this day of 20.....

Chairman of the Feed Board

No.	Type of Feed or Feed Additive	Usage (domestic/export)	Supplier

THIRD SCHEDULE
[subregulation 15(1)]

JAMH 53(2)(g)01

FEED ACT 2009

FEED (MANUFACTURE AND SALE OF FEED OR FEED ADDITIVE) REGULATIONS 2012

FEES

No.	Items	Provisions	Fees (RM)	
			Manufacturer	Seller
1.	Application for certificate of registration	Subregulation 3(2)	600	300
2.	Renewal of certificate of registration	Subregulation 7(1)	600	300
3.	Late renewal of registration	Subregulation 7(3)	1000	500
4.	Duplicate certificate of registration	Subregulation 10(2)	100	50
5.	Change of information	Subregulation 11(2)	50	25
6.	Certified true copy of certificate of registration	Regulation 12	15	15

Made 3 August 2012
[KP/LA/483/20; PN(PU2)702/III]

DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR
Minister of Agriculture and Agro-based Industry